

# KENYATAAN MEDIA

## "TITIK MENGALAI" MEMUKAU PELANCONG

Kuala Lumpur 16 Mac - Demi memartabatkan warisan seni tradisional yang autentik dan klasik, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia terus komited dalam pelaksanaan program Panggung Seni Tradisional saban tahun. Pada dasarnya, penganjuran program ini sebagai langkah pemuliharaan dan pekekalan seni warisan serta memartabatkan kesenian ini ke tahap yang lebih cemerlang. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional seterusnya mengangkat program ini sebagai produk pelancongan. Di samping itu, ia turut bertujuan untuk memupuk minat dan cintakan seni warisan negara dalam kalangan warga kota serta para pelancong asing dan tempatan.

Mula dilaksanakan pada tahun 2013 hingga 2018, program ini telah mementaskan sebanyak 36 kesenian tradisional yang merangkumi **TIGA (3)** genre iaitu **Tari, Muzik** dan **Teater** dengan penglibatan 69 kumpulan kesenian dan 1,649 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti awam dan Badan-badan Bukan Kerajaan (BBK). Beberapa kumpulan seni persembahan di bawah Program Perantisan turut diberi peluang membuat persembahan seperti Kumpulan Makyong Kijang Emas (Makyong), Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (Mek Mulung), Kumpulan Menora Sri Timur (Menora), Persatuan Seni Tradisional Setia Jaya, Kampung Nesam, Perlis (Jikey) dan Kumpulan Boria Angkatan Budayasari, Pulau Pinang (Boria).

Kini, Panggung Seni Tradisional 2019 (PST2019) kembali menemui warga kota Kuala Lumpur. Program kali ini akan menampilkan Kumpulan Anak Seni Sabah Kuala Lumpur (KASSA), Unique Arts Culture and Heritage Foundation, N. Sembilan, Kumpulan Randai Palimo, Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, WAU.Ensemble, Fakulti Tari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta ASK Dance Company dan Persatuan Teater Opera Mimpi Negeri Perlis (TOPENG).

Antara kesenian tradisional yang akan diangkat pada tahun 2019 adalah seperti Titik Mengalai (15 & 16 Mac), Kadhambari (26 & 27 April), Randai – Si Jundai (05 & 06 Julai), Enchanting Night (02 & 03 Ogos), Malam Tarian Klasik Melayu (27 & 28 September) dan Hikayat Cendawan Putih (25 & 26 Oktober).

Pada persembahan pertama ini ialah Tarian Etnik Sabah iaitu “Titik Mengalai” yang merupakan sebuah produksi persembahan yang mewakili negeri Sabah yang juga dikenali dengan nama ‘negeri di bawah bayu’. Persembahan ini akan dibawakan oleh Kumpulan Anak Seni Sabah, Kuala Lumpur (KASSA).

Sabah, merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai kaum dengan latar belakang budaya. Penduduk aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan dengan menggunakan lebih dari 50 bahasa dan tidak kurang dari 90 dialek. Antaranya ialah Kadazandusun, Bajau, Melayu Brunei, Murut, Kedayan, Bisaya, Irranun, Rungus, Kimarang, Kwijau, Lundayeh, Ubian, Binadan, Orang Sungai, Tatana, Tagaas, Suluk dan lain-lain.

“Titik” merupakan alat muzik genderang tradisional di Sabah manakala “Mengalai” yang popular dalam kalangan etnik Bajau di Semporna dan Kota Belud, membawa maksud menari dan secara amnya sangat sinonim dengan seni tari di Sabah. Antara tari yang akan dipersembahkan dalam “Titik Mengalai” ialah Berunsai, Zapin Tidong, Pengalai Ha Agong, Sumazau, Igal-Igal, Limbai, Daling-Daling, Magunatip, Adai-Adai, Sumayau, Isun-Isun (Kalang Samah) dan lain-lain.

Kumpulan Anak Seni Sabah, Kuala Lumpur atau KASSA ini merupakan sebuah kumpulan yang ditubuhkan di Kuala Lumpur sejak tahun 2015 dan sangat aktif hingga ke hari ini. Diketuai oleh YBhg. Datin Saidatul Badru Tun Mohd Said sebagai Penasihat yang juga merupakan Yang Dipertua Persatuan Anak-Anak Negeri Sabah, Kuala Lumpur (PERASA). KASSA mempunyai keahlian seramai 320 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seni seperti pemuzik, penari, pelakon dan penyanyi (cilik). Jumlah keahlian sentiasa meingkat dari semasa ke semasa kerana ramai generasi muda kelahiran Sabah yang berhijrah ke Lembah Kelang sama ada sebagai pelajar atau berkerja. KASSA banyak menjalinkan kerjasama dengan agensi/jabatan kerajaan dalam melakukan

aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sering diundang untuk mengadakan persembahan kesenian.

JKKN sentiasa komited terhadap usaha untuk memartabatkan kesenian tradisional yang unik dan autentik di bawah program Panggung Seni Tradisional. Sehubungan itu, diharapkan agensi-agensi swasta dan syarikat-syarikat korporat turut sama memberikan sokongan kepada JKKN sebagai jabatan kerajaan yang mendokong kelestarian seni budaya bangsa. Sokongan boleh diberi bukan sahaja dalam bentuk penajaan kewangan, malah dengan memberi kemudahan pementasan, ruang promosi dan lain-lain. Selain itu, JKKN mengharap agar program ini akan dapat memberi peluang kepada semua generasi muda, warga Kuala Lumpur dan para pelancong (asing dan tempatan) untuk mengenali seni budaya warisan seterusnya menghayati keindahan kesenian tradisional Malaysia yang hampir dilupakan ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

## **TAMAT**

### **Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
**Tel** : 03-2614 8200 **Faks** : 03-2697 0786

**Website:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) atau <https://pemetaanbudaya.my>

**Email:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

### **Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

**Facebook:** @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara dan @mysenibudaya

**Instagram, Twitter & You Tube** : @mysenibudaya